

Seminar peluang generasi muda dalam peranan IT

UM 2 MAY 2002

KUALA LUMPUR 1 Mei—Ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO, para pelajar universiti dan usahawan muda yang akan menyertai satu seminar mengenai cabaran k-ekonomi Jumaat ini berpeluang mendalami peranan dan kepentingan teknologi maklumat (IT) pada era k-ekonomi sekarang.

Tiga kertas kerja yang berkaitan akan dibentangkan pada seminar anjuran Biro IT Pemuda UMNO yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pengerusi biro berkenaan, Mohamad Norza Zakaria berkata, tiga kertas kerja berkenaan ialah Ancaman Jurang Digital Di Dalam Era Dunia Tanpa Sempadan; Pendidikan Berteraskan ICT Untuk Mempertingkatkan

Daya Saing Bumiputera; dan Peluang-peluang Modal Teroka Di Dalam Industri ICT.

Seminar sehari itu yang bertajuk 'Menangani Cabaran K-ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan Teknologi dan Maklumat', akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Mohamad Norza berkata, beliau yakin seminar itu dapat menarik minat generasi muda bumiputera serta menambah minat para usahawan muda yang melibatkan diri dalam bidang ICT supaya membudayakan ICT sebagai satu cara hidup mereka.

"Kami menjangka 800 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat akan mengambil bahagian pada seminar ini," katanya di sini.

Beliau menambah bahawa ahli-ahli panel pada seminar itu pula terdiri daripada para cendekiawan dan profesional yang bergiat aktif dalam bidang pendidikan, kajian dan industri ICT.

Antaranya ialah Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid, Pengerusi KUB Berhad, Datuk Hassan Harun dan Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Mohamad Jawhar Hassan.

"Selepas seminar ini, langkah susulan akan dilakukan oleh Biro IT Pemuda UMNO iaitu menyebarkan ilmu ini kepada semua masyarakat terutama mereka yang tinggal di luar bandar dengan kerjasama syarikat-syarikat korporat yang lain," tambahnya.